

02 MAY 2001

Rafie-Gagal

GAGAL KE TINGKATAN ENAM: KEMENTERIAN AKAN SIASAT

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Ketua Pengarah Pendidikan Abdul Rafie Mahat hari ini berkata pihaknya akan menyiasat punca pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berkelayakan tetapi gagal mendapat tempat di Tingkatan Enam.

"Kita akan mengambil langkah pembetulan jika terdapat calon-calon yang layak tetapi tidak mendapat tempat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Bahasa Kebangsaan 2001 di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas surat pembaca dari Rompin, Negeri Sembilan yang dilaporkan dalam sebuah akhbar hari ini, menyatakan terdapat pelajar-pelajar lepasan SPM gagal memasuki Tingkatan Enam walaupun mendapat surat tawaran daripada Jabatan Pendidikan.

Menurut laporan itu, pelajar-pelajar berkenaan diminta membuat rayuan kepada Jabatan Pendidikan Seremban, tetapi gagal dengan alasan Kementerian Pendidikan telah membuat kesilapan dalam pemilihan pelajar.

Sementara itu, menurut Rafie, pelajar-pelajar yang gagal mendapat tempat di Tingkatan Enam masih mempunyai peluang.

"Selepas lepasan SPM masuk ke universiti, peluang untuk ke Tingkatan Enam akan lebih terbuka," katanya.

Abdul Rafie menasihatkan pelajar-pelajar yang berjaya diterima ke Tingkatan Enam supaya tidak menolak tawaran itu.

Terdahulu dalam ucapannya, Rafie berkata, penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar merupakan satu unsur untuk menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

"Sejak Dasar Pendidikan Kebangsaan diwujudkan dan dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara, kita dapat menyaksikan kejayaan dasar ini dalam membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu," katanya.

Katanya, bahasa Melayu telah diterima dan diamalkan oleh seluruh lapisan masyarakat di negara ini dan dianggap sebagai bahasa milik bersama yang menjadi penghubung rakyat pelbagai keturunan di negara ini.

Konvensyen yang berlangsung selama tiga hari itu bertemakan "Bahasa Asas Pembinaan Negara", disertai oleh 200 orang peserta.

-- BERNAMA

MUN AHH RI